

|             |  |
|-------------|--|
| Date        | 1 August 2014  |
| Publication | Utusan Borneo Sabah                                      |
| Headline    | George Kent umum pengeluaran bonus satu untuk tiga saham |

## George Kent umum pengeluaran bonus satu untuk tiga saham

**KUALA LUMPUR:** George Kent (Malaysia) Bhd memperoleh kelulusan pemegang saham untuk terbitan bonus satu untuk tiga saham biasa baharu berjumlah 75.1 juta, yang akan dikreditkan sebagai berbayar sepenuhnya.

Pengerusi kumpulan itu Tan Sri Tan Kay Hock berkata tarikh kelayakan dan penyenaian saham bonus itu dijangka selesai pada akhir Ogos.

“Terbitan ini akan menyebabkan pertambahan saham-saham terbitan dan berbayar syarikat kepada 300.41 juta daripada 225.31 juta saham sedia ada,” katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung luar biasa syarikat itu di sini semalam.

Pada 11 Julai lepas, George Kent menerima

kelulusan daripada Bursa Malaysia Securities Bhd bagi penyenaian dan sebut harga saham bagi cadangan terbitan bonus satu untuk tiga.

Kelulusan itu berasaskan syarat bahawa George Kent dan RHB Investment Bank Bhd, yang menjadi penasihat untuk cadangan terbitan bonus itu, mematuhi sepenuhnya peruntukan-peruntukan yang relevan dalam syarat penyenaian Pasaran Utama, kata syarikat itu dalam maklumannya kepada Bursa Malaysia.

Untuk suku pertama berakhir 30 April, keuntungan sebelum cukai George Kent meningkat 9.8 peratus kepada RM8.705 juta, yang didorong oleh margin keuntungan yang lebih tinggi daripada segmen perkilangan, perdagangan dan pembinaan.

— Bernama